

18/10/1999

50,000 saksikan Citrawarna Malaysia

Hardi Effendi Yaacob

SECARA keseluruhannya, lebih 84 jenis tarian tradisional, klasik dan moden dipersembahkan dalam Citrawarna Malaysia, malam kelmarin.

Ia tidak bertumpu kepada masyarakat Melayu, Cina dan India semata-mata, tetapi juga masyarakat Orang Asli, selain beberapa suku kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Kontinjen Negeri Sembilan mendahului perarakan kebudayaan dan kesenian terbesar itu dengan mempersembahkan tarian Randai dan Lambaian Negeri.

Ia diikuti kontinjen Selangor dengan tarian Topeng, Silat Tari dan Selangor 2000; Pulau Pinang (Boria, Chingay) Pahang (Pelanduk, Semai, Semalai, Temian); Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Potpourri, Cina dan India) dan Sabah (Daling Daling, Adai Adai, Kuda Pasu, Semazau, Menggigol, Mangonatip).

Kontinjen Kedah pula mempersembahkan tarian Cinta Sayang, diikuti Perak (Sewang, Dabus); Perlis (Canggung, Gendang Hadrah); Melaka (Dondang Sayang, Portugis, Beca, Kereta Lembu); Johor (Zapin Pekajang, Kuda Kepang, Barongan, Hamdolok); Terengganu (Tandu); Kelantan (Dikir Barat); Sarawak (Regatta).

Turut menyertai perarakan itu dua ekor gajah, Deli dan Mek Jah yang pernah membintangi filem Anna and the King.

Kedua-dua gajah ini diiringi empat lagi gajah dari Pahang dan Melaka, selain pasukan berkuda kaum Bajau dari Sabah dan pasukan berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta beberapa kereta kuda DBKL.

Citrawarna Malaysia membabitkan 4,000 peserta dari 28 kumpulan kebudayaan dan kesenian di negara ini secara keseluruhannya.

Ia disaksikan lebih 50,000 penonton, di mana sebahagian besarnya adalah rakyat tempatan, selain rakyat asing yang berkunjung ke negara ini sama ada untuk melancong atau menyaksikan F-1 Petronas Malaysian Grand Prix Sepang dari 15 hingga 17 Oktober di Litar F-1, Sepang.

Citrawarna Malaysia yang bermula di Jalan Isfahan, berhampiran Pusat Beli-Belah Pernas-Sogo dan berakhir di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad itu turut diserikan dengan demonstrasi pengendalian pelbagai alat muzik tradisional oleh sekumpulan pemuzik terlatih yang turut mengiringi persembahan tarian itu.

Selain itu, beberapa penyanyi wanita terkenal tanah air turut mengadakan persembahan.

Antaranya Siti Nurhaliza yang menyanyikan lagu Ya Maulai gubahan Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah), di mana lagu itu akan dimuatkan dalam album pop etnik terbarunya, tidak lama lagi.

Anis Suraya dan Asha Malik pula menyanyikan lagu Citrawarna Malaysia, manakala Khatijah Ibrahim menyanyikan lagu Malaysia - Truly Asia yang turut diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa termasuk Melayu, Perancis, Hindi, Mandarin, Itali, Jerman, Sepanyol dan Arab.

Terdahulu, Citrawarna Malaysia yang dianjurkan bersempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Pertuan Agong XI, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bermula tepat jam 9 malam selepas dilancarkan baginda sendiri.

Baginda diiringi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selain beberapa menteri kabinet, menteri besar serta ketua menteri bersama isteri masing-masing turut sama menyaksikan Citrawarna Malaysia.

Selain kenamaan, Citrawarna Malaysia yang turut dianjurkan bersempena Kempen Pelancongan Antarabangsa Malaysia disaksikan 540 wakil media asing dan agensi pelancongan luar negara dari semua benua yang menjadi tetamu kerajaan.

Ia termasuk 400 wakil media lain yang membuat liputan F-1 Petronas Malaysian Grand Prix dan hampir 10,000 penyokong tetapnya di samping delegasi dan pelancong luar lain.

(END)